

AKTA UNIVERSITI DAN KOLEJ UNIVERSITI 1971

PERLEMBAGAAN UNIVERSITI MALAYA 2010

KAEDAH-KAEDAH UNIVERSITI MALAYA (PENGAJIAN IJAZAH PERTAMA) 2017

SUSUNAN KAEDAH

BAHAGIAN I PERMULAAN

Kaedah	muka surat
1. Nama, Mula Berkuatkuasa dan Pemakaian	3
2. Tafsiran	3

BAHAGIAN II SYARAT PENERIMAAN MASUK

3. Kemasukan ke Program Pengajian Universiti	6
4. Kemasukan Pelajar Pemerhati	7

BAHAGIAN III PENDAFTARAN

5. Pendaftaran Program Pengajian Bagi Pelajar Baharu	7
6. Pendaftaran Serentak	8
7. Pendaftaran Kursus	8
8. Pertukaran Program Pengajian	8

BAHAGIAN IV BAYARAN

9. Menjelaskan Bayaran	8
10. Hak Mengubah Kadar Yuran dan Bayaran	9
11. Tempoh Menjelaskan Yuran Pengajian dan Bayaran Lain	9
12. Kegagalan Menjelaskan Yuran Pengajian dan Bayaran Lain	9

BAHAGIAN V
TEMPOH PROGRAM PENGAJIAN

13.	Tempoh Program Pengajian	9
14.	Tempoh Minimum dan Tempoh Maksimum Program Pengajian	9
15.	Penggantungan Program Pengajian Pelajar	10

BAHAGIAN VI
STRUKTUR PROGRAM PENGAJIAN

16.	Program Pengajian	10
17.	Struktur Program Pengajian	10
18.	Penilai Luar Program	10
19.	Komponen Kursus	11

BAHAGIAN VII
SISTEM PENASIHAT AKADEMIK

20.	Fungsi Penasihat Akademik	11
-----	---------------------------	----

BAHAGIAN VIII
KAEDAH PENILAIAN

21.	Jenis Penilaian	12
22.	Jawatankuasa Pemeriksa	12

BAHAGIAN IX
PENGURNIAAN IJAZAH

23.	Syarat Pengurniaan Ijazah	12
-----	---------------------------	----

BAHAGIAN X
AM

24.	Penamatan Status Akademik Pelajar	13
25.	Kuasa Senat Membuat Peraturan	13
26.	Pengecualian Pemakaian	13
27.	Pematuhan Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971, Perlembagaan Universiti Malaya, Statut, Kaedah-Kaedah dan Peraturan-Peraturan Universiti	13
28.	Pembatalan	13

AKTA UNIVERSITI DAN KOLEJ UNIVERSITI 1971

PERLEMBAGAAN UNIVERSITI MALAYA 2010

KAEDAH-KAEDAH UNIVERSITI MALAYA (PENGAJIAN IJAZAH PERTAMA) 2017

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh subseksyen 37(1) Perlembagaan Universiti Malaya 2010 [P.U. (A) 444] Lembaga Pengarah Universiti Malaya membuat kaedah-kaedah berikut:

BAHAGIAN I **PERMULAAN**

1. Nama, Mula Berkuatkuasa dan Pemakaian

- (1) Kaedah-kaedah ini dinamakan Kaedah-Kaedah Universiti Malaya (Pengajian Ijazah Pertama) 2017 dan hendaklah mula berkuatkuasa mulai Sesi Akademik 2017/2018.
- (2) Kaedah-Kaedah ini hendaklah terpakai kepada semua pelajar Universiti Malaya yang mengikuti program pengajian ijazah pertama mulai Sesi Akademik 2017/2018 KECUALI pelajar yang mengikuti program pengajian ijazah Sarjana Muda Perubatan dan Sarjana Muda Pembedahan (MBBS), ijazah Sarjana Muda Pembedahan Pergigian (BDS) dan ijazah Sarjana Muda Jurisprudens (Eksternal).
- (3) Walau apapun yang dinyatakan di subkaedah (2), -
 - (a) pelajar Sesi Kemasukan 2012/2013 dan sebelumnya akan terus tertakluk kepada peraturan mempertingkatkan gred kursus dan/atau prestasi akademik dan syarat Penganugerahan Ijazah seperti yang ditetapkan di dalam Peraturan-Peraturan Universiti Malaya (Pengajian Ijazah Pertama) 2010.
 - (b) pelajar Sesi Kemasukan 2013/2014 hingga 2016/2017 akan terus tertakluk kepada syarat Penganugerahan Ijazah seperti yang ditetapkan di dalam Peraturan-Peraturan Universiti Malaya (Pengajian Ijazah Pertama) 2013.

2. Tafsiran

Dalam Kaedah-Kaedah ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain –

“bidang pengajian” ertinya pengkhususan yang ditawarkan di dalam sesuatu program pengajian;

“Bursar” ertinya seorang pegawai Universiti yang dilantik menurut seksyen 14 Perlembagaan Universiti Malaya;

“Dekan Fakulti” ertinya Dekan Fakulti Universiti dan termasuklah mana-mana Pengarah atau Ketua Akademi, Pusat, Sekolah dan Institut yang dilantik menurut peruntukan subseksyen 24(4) dan (5) Perlembagaan Universiti Malaya;

“Fakulti” ertinya mana-mana Fakulti Universiti dan termasuklah mana-mana Akademi, Pusat, Sekolah dan Institut yang ditubuhkan menurut peruntukan subseksyen 24(1) Perlembagaan Universiti Malaya;

“Guru” ertinya seseorang yang dilantik menjadi guru mengikut Perlembagaan Universiti Malaya dan termasuklah profesor kanan, profesor, profesor madya, fellow, penolong profesor, reader, pensyarah kanan, pensyarah, penolong pensyarah, guru bahasa dan matrikulasi, dan tutor;

“ijazah” ertinya ijazah Sarjana Muda atau ijazah Pertama Universiti;

“Jabatan” ertinya mana-mana Jabatan Pengajian Fakulti dan termasuklah mana-mana Bahagian Pengajian Fakulti;

“Jawatankuasa Pemeriksa” ertinya Jawatankuasa yang ditubuhkan oleh Senat atas perakuan Fakulti untuk mempertimbangkan keputusan peperiksaan dan menjalankan apa-apa kuasa lain yang diberi kepadanya menurut peruntukan Kaedah-Kaedah ini atau peraturan-peraturan yang berkenaan;

“Kalendar Pengajian” ertinya tempoh pengajian yang terdiri daripada minggu kuliah, minggu ulangkaji, minggu peperiksaan dan cuti dalam sesuatu semester yang mana tarikh permulaan dan tarikh akhirnya hendaklah sepertimana yang ditetapkan oleh Naib Canselor;

”kredit” ertinya ukuran kuantitatif yang melambangkan volum pembelajaran atau beban pembelajaran untuk mencapai hasil pembelajaran tertentu;

“kredit dapat” ertinya suatu kredit yang diperolehi oleh seseorang pelajar bagi sesuatu kursus yang dijalani dalam program pengajiannya **bagi tujuan penyempurnaan pengijazahan;**

“kredit kira” ertinya suatu kredit yang diperolehi oleh seseorang pelajar bagi sesuatu kursus yang dijalani dalam program pengajiannya dan gred yang

diperolehi bagi kursus tersebut diambil kira di dalam pengiraan PNG dan PNGK;

“kursus” ertinya satu unit pengajian atau latihan yang disediakan dalam satu tempoh tertentu, biasanya dalam satu semester, yang menyumbang kredit kepada sesuatu program pengajian;

“kursus diaudit” ertinya kursus yang didaftarkan dan dihadiri oleh pelajar tanpa menduduki peperiksaan;

“major” ertinya pakej kursus yang ditawarkan oleh Fakulti yang berjumlah antara 50% hingga 60% daripada jumlah keseluruhan kredit yang ditetapkan untuk sesuatu program pengajian;

“minor” ertinya pakej kursus yang ditawarkan oleh Fakulti yang berjumlah antara 25% hingga 30% daripada jumlah keseluruhan kredit yang ditetapkan untuk sesuatu program pengajian;

“Naib Canselor” ertinya ketua pegawai eksekutif dan akademik bagi Universiti yang dilantik menurut peruntukan subseksyen 12(1) Perlembagaan Universiti Malaya;

”Pendaftar” ertinya seorang pegawai Universiti yang dilantik menurut seksyen 14 Perlembagaan Universiti Malaya;

“pelajar” ertinya seseorang pelajar berdaftar yang sedang mengikuti kursus yang ditawarkan oleh Universiti bagi sesuatu program pengajian Ijazah dan disenaraikan dalam daftar pelajar Universiti menurut peruntukan subkaedah 5(2);

“Pemeriksa Dalam” ertinya seseorang guru sepenuh masa atau separuh masa Universiti yang dilantik oleh Fakulti untuk menilai aktiviti pengajaran dan pembelajaran sesuatu kursus atau sebahagian daripada kursus;

“PNG” ertinya Purata Nilai Gred yang ditentukan dengan membahagikan jumlah mata gred yang diperolehi dengan jumlah kredit yang diambil dalam sesuatu semester;

“PNGK” ertinya Purata Nilai Gred Kumulatif yang ditentukan dengan membahagikan jumlah mata gred yang diperolehi dengan jumlah kredit yang telah diambil mulai semester pertama sehingga semester terkini;

“program pengajian” ertinya sekumpulan kursus dan/atau latihan yang dirancang dan disediakan bagi memenuhi keperluan untuk dianugerahkan Ijazah;

“program profesional” ertinya program pengajian yang memerlukan pengiktirafan atau yang diiktiraf oleh sesebuah badan profesional;

“semester” ertinya tempoh tertentu yang ditetapkan oleh Universiti bagi sesuatu sesi akademik yang terdiri daripada minggu kuliah, minggu peperiksaan akhir dan cuti;

“Semester Biasa” ertinya Semester I atau Semester II sepertimana yang dinyatakan di dalam Kalendar Pengajian;

“Semester Khas” ertinya semester yang tempohnya lebih pendek daripada Semester Biasa dan diadakan selepas Semester II;

“Senat” ertinya salah satu Pihak Berkuasa Universiti yang ditubuhkan menurut peruntukan subseksyen 22(1) Perlembagaan Universiti Malaya;

“Sesi Akademik” ertinya tempoh pengajian sesuatu program pengajian yang terdiri daripada Semester Biasa dan Semester Khas yang tarikh permulaan dan tarikh tamatnya ditetapkan oleh Naib Canselor;

“Sesi Kemasukan” ertinya sesi bilamana seseorang pelajar diterima masuk ke sesuatu program pengajian.

“Struktur Pengajian Ijazah” ertinya senarai kursus beserta jumlah kredit yang wajib disempurnakan bagi melayakkan seseorang pelajar untuk dianugerahkan Ijazah

“Tahun Kalendar” ertinya jangka waktu (masa) yang lamanya dua belas bulan;

“Universiti” ertinya Universiti Malaya.

BAHAGIAN II **SYARAT PENERIMAAN MASUK**

3. Kemasukan ke Program Pengajian Universiti

(1) Setiap calon yang ingin mengikuti program pengajian di Universiti Malaya hendaklah:

(a) memenuhi keperluan syarat am Universiti dan syarat khas kemasukan ke program pengajian yang ditetapkan oleh Senat;

(b) mengesahkan penerimaan tawaran kemasukan;

- (c) disahkan oleh **Pengamal Perubatan Berdaftar** Klinik Kesihatan Pelajar Universiti mempunyai tahap kesihatan yang memuaskan dan tidak menghidap apa-apa penyakit atau apa-apa kecacatan anggota yang boleh mengganggu pengajian di Universiti; **dan**
 - (d) membayar yuran tertentu.
- (2) Dalam keadaan tertentu, kemasukan pelajar adalah tertakluk kepada keputusan Senat atas perakuan Jawatankuasa Pemilihan Kemasukan Fakulti yang berkenaan serta memenuhi subkaedah (1)(b), (c) dan (d) di atas.
 - (3) Kemasukan bagi program pengajian adalah pada permulaan Semester I atau Semester II setiap sesi akademik.
 - (4) Setiap tawaran kemasukan adalah untuk sesuatu semester dan sesi tertentu.

4. Kemasukan Pelajar Pemerhati

- (1) Pelajar Pemerhati ialah calon daripada luar Universiti yang diluluskan untuk mengikuti kursus-kursus tertentu di Universiti, sama ada atau tidak untuk tujuan mendapat gred dan/atau kredit. Mereka bukanlah pelajar program pengajian Universiti.
- (2) Kemasukan Pelajar Pemerhati hendaklah atas budi bicara Dekan Fakulti.

BAHAGIAN III **PENDAFTARAN**

5. Pendaftaran **Program Pengajian Bagi Pelajar Baharu**

- (1) Pemohon yang ditawarkan oleh Universiti untuk mengikuti program pengajian Ijazah dan menerima tawaran tersebut dikehendaki mendaftar mengikut prosedur yang ditetapkan oleh Universiti.
- (2) Tertakluk kepada subkaedah (3) di bawah, sesiapa yang mendaftar seperti yang tersebut di subkaedah (1) dikenali sebagai pelajar Universiti dan nama pelajar tersebut hendaklah disenaraikan dalam daftar pelajar Universiti sehingga pelajar berjaya menamatkan program pengajiannya dan Senat mengesahkan pelajar tersebut layak dianugerahkan ijazah atau sehingga atas sebab tertentu pelajar tersebut hilang kelayakannya sebagai pelajar Universiti mengikut mana yang terdahulu.

- (3) Setiap pelajar yang telah mendaftar untuk program pengajian yang telah ditawarkan kepadanya hendaklah mendaftar secara berterusan dengan Universiti dan sekiranya gagal berbuat demikian akan terhenti daripada menjadi pelajar dan namanya akan digugurkan daripada senarai daftar pelajar.
- (4) Penangguhan **pendaftaran program** pengajian **pelajar baharu** hanya boleh dipertimbangkan atas sebab perubahan **atau apa-apa alasan lain yang diterima atas budi bicara Universiti**. Tempoh penangguhan ini tidak akan diambil kira sebagai sebahagian daripada tempoh pengajian yang ditetapkan. Tawaran akan diluputkan sekiranya pelajar tidak juga mendaftar pada semester atau sesi berikut yang berkenaan.

6. Pendaftaran Serentak

Pelajar tidak dibenarkan mendaftar serentak untuk program pengajian lain yang membawa kepada penganugerahan sesuatu diploma/ijazah pertama/ijazah tinggi di Universiti atau di institusi atau universiti lain.

7. Pendaftaran Kursus

Setiap pelajar dikehendaki mendaftar kursus-kursus pada setiap semester mengikut syarat-syarat yang ditetapkan di dalam Peraturan-Peraturan yang dibuat di bawah Kaedah-Kaedah ini.

8. Pertukaran Program Pengajian

- (1) Seseorang pelajar yang telah mendaftar program pengajian yang ditawarkan tidak dibenarkan untuk membuat pertukaran program pengajiannya.
- (2) Walau apapun yang dinyatakan oleh subkaedah (1) di atas, dalam keadaan-keadaan tertentu seseorang pelajar boleh memohon untuk dipertimbangkan pertukaran program pengajian tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan di dalam Peraturan-Peraturan yang dibuat di bawah Kaedah-Kaedah ini.

BAHAGIAN IV **BAYARAN**

9. Menjelaskan Bayaran

Pelajar hendaklah menjelaskan semua yuran dan bayaran lain mengikut peraturan seperti mana yang ditetapkan oleh Universiti.

10. Hak Mengubah Kadar Yuran dan Bayaran

Pihak Universiti mempunyai hak mutlak untuk mengubah kadar yuran dan apa-apa kadar bayaran lain yang ditetapkan tanpa notis terlebih dahulu kepada pelajar.

11. Tempoh Menjelaskan Yuran dan Bayaran Lain

Pelajar hendaklah membayar semua yuran dan bayaran lain dalam tempoh yang ditetapkan oleh Universiti.

12. Kegagalan Menjelaskan Yuran dan Bayaran Lain

Kegagalan seseorang pelajar menjelaskan semua yuran dan bayaran lain dalam tempoh yang ditetapkan oleh Universiti boleh menyebabkan pelajar berkenaan:

- (1) dihalang daripada mendapat keputusan peperiksaan bagi semester berkenaan;
- (2) dihalang daripada mendaftar kursus pada semester berikutnya dan statusnya sebagai pelajar Universiti boleh ditamatkan; **dan/atau**
- (3) dihalang daripada **dikurniakan ijazah.**

BAHAGIAN V
TEMPOH PROGRAM PENGAJIAN

13. Tempoh Program Pengajian

Pelajar hendaklah mengikuti dan menamatkan program pengajiannya dalam tempoh yang ditetapkan.

14. Tempoh Minimum dan Tempoh Maksimum Program Pengajian

- (1) Tempoh minimum dan maksimum bagi menyempurnakan sesuatu program pengajian adalah seperti berikut:

Sistem Pengajian	Minimum	Maksimum
Enam Semester	6 Semester Biasa	10 Semester Biasa
Tujuh Semester	7 Semester Biasa	11 Semester Biasa
Lapan Semester	8 Semester Biasa	12 Semester Biasa

- (2) Walau apapun yang dinyatakan dalam subkaedah (1) di atas, Semester Khas hendaklah diambilkira dalam tempoh pengajian jika dinyatakan dalam surat tawaran kemasukan.

15. **Penggantungan Program Pengajian Pelajar**

Tempoh penggantungan program pengajian pelajar yang dikenakan hukuman di bawah Kaedah-Kaedah Universiti Malaya (Tatatertib Pelajar-Pelajar) 1999 tidak boleh diambilkira dalam tempoh maksimum program pengajian.

BAHAGIAN VI **STRUKTUR PROGRAM PENGAJIAN**

16. **Program Pengajian**

Program pengajian yang ditawarkan oleh Universiti adalah seperti mana yang ditetapkan dalam Jadual kepada Kaedah-Kaedah ini dan yang diluluskan dari semasa ke semasa.

17. **Struktur Program Pengajian**

Pelajar dikehendaki mengikuti dan memenuhi jumlah kredit keseluruhan yang ditetapkan bagi program pengajian masing-masing seperti mana yang diluluskan oleh Senat.

18. **Penilai Luar Program**

Penilai Luar Program bagi setiap program pengajian yang ditawarkan oleh Universiti hendaklah dilantik oleh Timbalan Naib Canselor yang berkenaan atas perakuan jawatankuasa khas bagi –

- (1) memastikan sesuatu program pengajian ijazah yang dianugerahkan adalah setanding dan konsisten dengan program yang sama yang ditawarkan oleh universiti-universiti terkemuka dunia;
- (2) mengesahkan bahawa program pengajian menepati tahap dan keperluan standard program yang ditetapkan;
- (3) memastikan kaedah penaksiran dan penilaian adalah bersesuaian, adil dan munasabah serta dikendalikan mengikut peraturan yang ditetapkan oleh Universiti; dan
- (4) menjamin kualiti program akademik.

19. Komponen Kursus

- (1) Setiap program pengajian hendaklah mengandungi tiga komponen kursus seperti berikut:-

Komponen	Peratus
Kursus Universiti	15% - 20%
Kursus Teras	50% - 60%
Kursus Elektif/Minor	25% - 30%

Bagi maksud Kaedah-Kaedah ini:

- (a) “Kursus Universiti” bermaksud kursus-kursus yang ditetapkan oleh Universiti sebagai kursus yang wajib diikuti oleh setiap pelajar Ijazah Pertama;
- (b) “Kursus Teras” bermaksud kursus-kursus yang ditentukan oleh Fakulti sebagai kursus yang wajib diikuti oleh pelajar di Fakulti berkenaan yang terdiri daripada kursus teras fakulti atau kursus teras program dan/atau kursus teras jabatan atau kursus teras pengkhususan;
- (c) “Kursus Elektif/Minor” bermaksud kursus-kursus yang boleh terdiri daripada elektif fakulti atau elektif jabatan atau kursus-kursus minor.
- (2) Walau apapun yang dinyatakan dalam subkaedah (1), mana-mana program pengajian yang mempunyai standard program Agensi Kelayakan Malaysia atau standard badan profesional, program berkenaan hendaklah tertakluk kepada pematuhan keperluan yang ditetapkan.

BAHAGIAN VII **SISTEM PENASIHAT AKADEMIK**

20. Fungsi Penasihat Akademik

- (1) Dekan Fakulti hendaklah memastikan satu Panel Penasihat Akademik dilantik dalam kalangan guru untuk membimbing pelajar dalam perancangan program pengajiannya.
- (2) Penasihat Akademik bertanggungjawab bagi –

- (a) membantu pelajar dalam pemilihan kursus dan bilangan kredit yang pelajar akan ambil sebelum semester bermula; dan
 - (b) memberikan bimbingan kepada pelajar dalam mengatasi masalah pembelajaran, jika ada, berdasarkan prestasi pengajian pelajar.
- (3) Dekan Fakulti bertanggungjawab untuk menentukan kaedah pelaksanaan sistem Penasihat Akademik di Fakulti masing-masing.

BAHAGIAN VIII **KAEDAH PENILAIAN**

21. Jenis Penilaian

Maka hendaklah ada penilaian bagi tiap-tiap program pengajian yang dijalankan oleh Universiti yang boleh dibuat secara peperiksaan akhir dan penilaian berterusan serta kaedah penilaian lain seperti mana yang diluluskan oleh Senat atas perakuan Fakulti.

22. Jawatankuasa Pemeriksa

Maka hendaklah ada Jawatankuasa Pemeriksa yang berasingan bagi setiap peperiksaan untuk setiap program pengajian.

BAHAGIAN IX **PENGURNIAAN IJAZAH**

23. Syarat Pengurniaan Ijazah

Ijazah Sarjana Muda Universiti boleh dikurniakan kepada seseorang pelajar yang telah –

- (1) memenuhi segala kehendak Kaedah-Kaedah ini dan apa-apa peraturan yang dibuat di bawahnya;
- (2) memenuhi keperluan lain Universiti yang bukan bersifat akademik;
- (3) diperakukan supaya dianugerahkan ijazah oleh Jawatankuasa Pemeriksa dan diluluskan oleh Senat; dan
- (4) membayar semua yuran dan bayaran lain yang ditetapkan.

BAHAGIAN X **AM**

24. Penamatan Status Akademik Pelajar

Walau apapun yang dinyatakan oleh kaedah 5, 6 dan 7, Senat boleh pada bila-bila masa menggunakan budi bicaranya untuk menamatkan status akademik mana-mana pelajar sekiranya –

- (1) Seseorang pelajar didapati telah memberikan maklumat palsu atau tidak benar berkenaan dengan kemasukannya ke Universiti.
- (2) Pelajar tersebut tidak mampu meneruskan program pengajiannya.

Tertakluk kepada subkaedah (1) dan (2) di atas, nama pelajar tersebut hendaklah digugurkan daripada senarai daftar pelajar Universiti dan pelajar tersebut hendaklah terhenti daripada menjadi pelajar Universiti. Keputusan Senat mengenai penamatan status akademik pelajar adalah muktamad.

25. Kuasa Senat Membuat Peraturan

Senat boleh membuat peraturan-peraturan pada amnya sebagaimana yang perlu bagi maksud melaksanakan atau menguatkuasakan peruntukan Kaedah-Kaedah ini.

26. Pengecualian Pemakaian

Walau apapun yang dinyatakan di bawah Kaedah-Kaedah ini dan peraturan-peraturan yang dibuat di bawahnya, Senat berhak mengecualikan pemakaian Kaedah-Kaedah ini atau mana-mana peruntukan Kaedah-Kaedah ini ke atas mana-mana program pengajian ijazah Universiti.

27. Pematuhan Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971, Perlembagaan Universiti Malaya, Statut, Kaedah-Kaedah dan Peraturan-Peraturan Universiti

Setiap pelajar adalah tertakluk kepada semua peruntukan yang dinyatakan di bawah Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971, Perlembagaan Universiti Malaya, statut, kaedah-kaedah dan peraturan-peraturan lain yang sedia terpakai di Universiti termasuk Kaedah-Kaedah Universiti Malaya (Tatatertib Pelajar-Pelajar) 1999.

28. Pembatalan

Tertakluk kepada peruntukan kaedah 1(3), Kaedah-Kaedah Universiti Malaya (Pengajian Ijazah Pertama) 2013 adalah dengan ini dibatalkan.

Dibuat pada 19 Jun 2017

Profesor Tan Sri Dato' Sri Dr. Zakri Abdul Hamid
Pengerusi
Lembaga Pengarah Universiti Malaya

**JADUAL
(KAEDAH 15)**

SENARAI PROGRAM PENGAJIAN

Bil.	Nama Program	Tempoh Minimum Pengajian
AKADEMI PENGAJIAN ISLAM		
1.	Sarjana Muda Pendidikan Islam (Pengajian Al-Quran)	8 Semester Biasa
2.	Sarjana Muda Pendidikan Islam (Pengajian Islam)	8 Semester Biasa
3.	Sarjana Muda Pengurusan Muamalat	8 Semester Biasa
4.	Sarjana Muda Syariah dan Undang-Undang	8 Semester Biasa dan 1 Semester Khas
5.	Sarjana Muda Syariah (Astronomi Islam)	7 Semester Biasa
6.	Sarjana Muda Syariah (Fiqh dan Usul)	7 Semester Biasa
7.	Sarjana Muda Syariah (Sains Politik Islam)	7 Semester Biasa
8.	Sarjana Muda Syariah (Syariah dan Ekonomi)	7 Semester Biasa
9.	Sarjana Muda Usuluddin (Akidah dan Pemikiran Islam)	7 Semester Biasa
10.	Sarjana Muda Usuluddin (Al-Quran dan Al-Hadith)	7 Semester Biasa
11.	Sarjana Muda Usuluddin (Dakwah dan Pembangunan Insan)	7 Semester Biasa
12.	Sarjana Muda Usuluddin (Sejarah dan Tamadun Islam)	7 Semester Biasa
13.	Sarjana Muda Pengajian Islam dan Sains	8 Semester Biasa
14.	Sarjana Muda Pengajian Islam dan Teknologi Maklumat	8 Semester Biasa
AKADEMI PENGAJIAN MELAYU		
15.	Sarjana Muda Bahasa Melayu Profesional	7 Semester Biasa
16.	Sarjana Muda Kesenian Melayu	7 Semester Biasa
17.	Sarjana Muda Kesusasteraan Melayu	7 Semester Biasa
18.	Sarjana Muda Linguistik Melayu	7 Semester Biasa
19.	Sarjana Muda Sosio-Budaya Melayu	7 Semester Biasa

FAKULTI ALAM BINA		
20.	Sarjana Muda Harta Tanah	7 Semester Biasa dan 1 Semester Khas
21.	Sarjana Muda Sains Seni Bina	6 Semester Biasa dan 2 Semester Khas
22.	Sarjana Muda Ukur Bahan	7 Semester Biasa
23.	Sarjana Muda Ukur Bangunan	7 Semester Biasa dan 1 Semester Khas
24.	Sarjana Muda Perancangan Bandar dan Wilayah	8 Semester Biasa
FAKULTI BAHASA DAN LINGUISTIK		
25.	Sarjana Muda Bahasa dan Linguistik Arab	7 Semester Biasa
26.	Sarjana Muda Bahasa dan Linguistik Inggeris	7 Semester Biasa
27.	Sarjana Muda Bahasa dan Linguistik Cina	7 Semester Biasa
28.	Sarjana Muda Bahasa dan Linguistik Tamil	7 Semester Biasa
29.	Sarjana Muda Bahasa dan Linguistik Jepun	7 Semester Biasa
30.	Sarjana Muda Bahasa dan Linguistik Itali	7 Semester Biasa
31.	Sarjana Muda Bahasa dan Linguistik Jerman	7 Semester Biasa
32.	Sarjana Muda Bahasa dan Linguistik Sepanyol	7 Semester Biasa
33.	Sarjana Muda Bahasa dan Linguistik Perancis	7 Semester Biasa
34.	Sarjana Muda Bahasa dan Linguistik Jerman Dengan Pendidikan	8 Semester Biasa
FAKULTI EKONOMI DAN PENTADBIRAN		
35.	Sarjana Muda Ekonomi	7 Semester Biasa
FAKULTI KEJURUTERAAN		
36.	Sarjana Muda Kejuruteraan (Alam Sekitar)	8 Semester Biasa dan 1 Semester Khas
37.	Sarjana Muda Kejuruteraan (Bahan)	8 Semester Biasa dan 1 Semester Khas
38.	Sarjana Muda Kejuruteraan (Rekabentuk Produk)	8 Semester Biasa dan 1 Semester Khas
39.	Sarjana Muda Kejuruteraan (Pembuatan)	8 Semester Biasa dan 1 Semester Khas
40.	Sarjana Muda Kejuruteraan Elektrik (Komunikasi)	8 Semester Biasa dan 1 Semester Khas
41.	Sarjana Muda Kejuruteraan Awam	8 Semester Biasa dan 1 Semester Khas

42.	Sarjana Muda Kejuruteraan Bioperubatan	8 Semester Biasa dan 1 Semester Khas
43.	Sarjana Muda Kejuruteraan Elektrik	8 Semester Biasa dan 1 Semester Khas
44.	Sarjana Muda Kejuruteraan Kimia	8 Semester Biasa dan 1 Semester Khas
45.	Sarjana Muda Kejuruteraan Mekanik	8 Semester Biasa dan 1 Semester Khas
46.	Sarjana Muda Kejuruteraan Bioperubatan (Prostetik dan Ortotik)	8 Semester Biasa dan 3 Semester Khas
FAKULTI PENDIDIKAN		
47.	Sarjana Muda Kaunseling	8 Semester Biasa
48.	Sarjana Muda Pendidikan Pengajaran Bahasa Inggeris Sebagai Bahasa Kedua	8 Semester Biasa
49.	Sarjana Muda Pendidikan Awal Kanak-Kanak	8 Semester Biasa
50.	Sarjana Muda Pendidikan (Pengurusan Pendidikan)	6 Semester Biasa
FAKULTI PERNIAGAAN DAN PERAKAUNAN		
51.	Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan	7 Semester Biasa
52.	Sarjana Muda Perakaunan	8 Semester Biasa
53.	Sarjana Muda Kewangan	7 Semester Biasa
FAKULTI PERUBATAN		
54.	Sarjana Muda Sains Bioperubatan	8 Semester Biasa
55.	Sarjana Muda Farmasi (Kepujian)	8 Semester Biasa dan 1 Semester Khas
56.	Sarjana Muda Sains Kejururawatan	8 Semester Biasa dan 1 Semester Khas
57.	Sarjana Muda Perubatan dan Sarjana Muda Pembedahan	5 tahun
FAKULTI PERGIGIAN		
58.	Sarjana Muda Pembedahan Pergigian	5 tahun
FAKULTI SAINS		
59.	Sarjana Muda Sains Bioinformatik	7 Semester Biasa
60.	Sarjana Muda Sains Biokimia	7 Semester Biasa
61.	Sarjana Muda Sains Bioteknologi	7 Semester Biasa
62.	Sarjana Muda Sains Ekologi Biodiversiti	7 Semester Biasa

63.	Sarjana Muda Sains Fizik	7 Semester Biasa
64.	Sarjana Muda Sains Genetik	7 Semester Biasa
65.	Sarjana Muda Sains Geologi Gunaan	7 Semester Biasa
66.	Sarjana Muda Sains Geologi	7 Semester Biasa
67.	Sarjana Muda Sains Kimia Gunaan	7 Semester Biasa
68.	Sarjana Muda Sains Kimia	7 Semester Biasa
69.	Sarjana Muda Sains Aktuari	8 Semester Biasa
70.	Sarjana Muda Sains Matematik Gunaan	7 Semester Biasa
71.	Sarjana Muda Sains Matematik	7 Semester Biasa
72.	Sarjana Muda Sains Mikrobiologi	7 Semester Biasa
73.	Sarjana Muda Sains Pengajian Sains dan Teknologi	7 Semester Biasa
74.	Sarjana Muda Sains Pengurusan Alam Sekitar	7 Semester Biasa
75.	Sarjana Muda Sains Biokesihatan	7 Semester Biasa
76.	Sarjana Muda Sains Statistik	7 Semester Biasa
77.	Sarjana Muda Sains Dengan Pendidikan	8 Semester Biasa
78.	Sarjana Muda Sains (Sains Bahan)	7 Semester Biasa
FAKULTI SAINS KOMPUTER DAN TEKNOLOGI MAKLUMAT		
79.	Sarjana Muda Sains Komputer (Kejuruteraan Perisian)	7 Semester Biasa
80.	Sarjana Muda Sains Komputer (Kepintaran Buatan)	7 Semester Biasa
81.	Sarjana Muda Sains Komputer (Sistem Maklumat)	7 Semester Biasa
82.	Sarjana Muda Sains Komputer (Sistem dan Rangkaian Komputer)	7 Semester Biasa
83.	Sarjana Muda Teknologi Maklumat (Multimedia)	7 Semester Biasa
FAKULTI SASTERA DAN SAINS SOSIAL		
84.	Sarjana Muda Sastera Antropologi dan Sosiologi	7 Semester Biasa
85.	Sarjana Muda Geografi	7 Semester Biasa
86.	Sarjana Muda Sastera Inggeris	7 Semester Biasa
87.	Sarjana Muda Pengajian Alam Sekitar	7 Semester Biasa
88.	Sarjana Muda Sastera Pengajian Antarabangsa dan Strategik	7 Semester Biasa

89.	Sarjana Muda Pengajian Asia Timur	7 Semester Biasa
90.	Sarjana Muda Sastera Pengajian Asia Tenggara	7 Semester Biasa
91.	Sarjana Muda Sastera Pengajian India	7 Semester Biasa
92.	Sarjana Muda Sastera Pengajian Tionghoa	7 Semester Biasa
93.	Sarjana Muda Pentadbiran dan Keadilan Sosial	7 Semester Biasa
94.	Sarjana Muda Sastera Sejarah	7 Semester Biasa
95.	Sarjana Muda Sastera (Pengajian Media)	7 Semester Biasa
FAKULTI UNDANG-UNDANG		
96.	Sarjana Muda Undang-undang	8 Semester Biasa
97.	Sarjana Muda Jurisprudens (Eksternal)	3 tahun
PUSAT KEBUDAYAAN		
98.	Sarjana Muda Muzik	6 Semester Biasa dan 1 Semester Khas
99.	Sarjana Muda Drama	6 Semester Biasa dan 1 Semester Khas
100.	Sarjana Muda Tari	6 Semester Biasa dan 1 Semester Khas
PUSAT SUKAN		
101.	Sarjana Muda Sains Pengurusan Sukan	7 Semester Biasa
102.	Sarjana Muda Sains Sukan (Sains Eksemais)	7 Semester Biasa